

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 1
RUANGAN : MUKA HADAPAN

Selasa, 22 Oktober 2024 | 19 Rabiulakhir 1446 | Tel: 1 300 22 6787 | PP 414/10/2012 (030686) | RM2

Wadah Pembaharuan

BH

BeritaHarian

Diterbit sejak 1957

www.bharian.com.my



MB Johor
kecewa,
sedih Klinik
Kesihatan
Gelang Patah
daif, sesak

Nasional 9

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 9
RUANGAN : NASIONAL

MB Johor kecewa Klinik Kesihatan Gelang Patah daif

Iskandar Puteri: Menteri Besar, Datuk Onn Hafiz Ghazi melahirkan rasa amat sedih dan kecewa melihat keadaan Klinik Kesihatan Gelang Patah, di sini yang sangat daif.

Menerusi satu hantaran di Facebooknya semalam, beliau yang melawat klinik itu kelmarin berkongsi keadaan ruang menunggu yang sesak dan sempit, selain keadaan fasiliti seperti kerusi, kipas dan pendingin hawa yang usang serta rosak.

Beliau berkata, keadaan itu diburukkan lagi dengan kemudahan parkir kenderaan yang terhad dan tidak tersusun di kawasan klinik, selain kekurangan aset seperti mesin ultrasound dan komputer.

"Saya berasa amat sedih dan kecewa melihat keadaan yang sangat daif di Klinik Kesihatan Gelang Patah ketika melawat semalam (kelmarin).

"Beberapa perkara diutarakan pihak pengurusan klinik dan orang awam ketika saya berada di klinik itu, termasuk ruang menunggu di klinik yang sesak dan sempit dengan fasiliti seperti kerusi, kipas dan pendingin hawa yang usang serta rosak," katanya.

Susulan itu, beliau berjanji kerajaan negeri akan membantu sedaya mungkin bagi menyelesaikan masalah berkenaan, selain turut melaksanakan penyelesaian jangka pendek bagi mengurangkan kesesakan sedia ada.

Katanya, terdapat cadangan untuk pembinaan sebuah klinik kesihatan baharu di kawasan Iskandar Puteri.

"Purata harian pelawat ke Klinik Kesihatan Gelang Patah berjumlah lebih 800 orang pesakit dan ia tidak mampu menampung populasi hampir 100,000



Onn Hafiz meninjau Klinik Kesihatan Gelang Patah, kelmarin.

(Foto X Onn Hafiz Ghazi)

penduduk di kawasan Iskandar Puteri.

"Keadaan yang padat dan sesak ini menjadi cabaran utama di sini," katanya.

Sebelum ini, keadaan Klinik

Kesihatan Gelang Patah yang daif dan usang itu pernah ditularkan pengguna di media sosial susulan keadaannya yang terlalu padat, fasiliti tidak mencukupi serta jumlah pesakit yang ramai.

Onn Hafiz berkata, kerajaan negeri menyedari masih banyak yang perlu dilakukan dalam mempertingkatkan kualiti kesihatan di Johor demi kesejahteraan rakyat.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 18
RUANGAN : NASIONAL

18

Nasional

Ambil tindakan tegas penjual 'vape alat tulis'

Kuala Lumpur: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) digesa melakukan serbuan dan ramasan ke atas peniaga yang memiliki serta menjual peranti vape dan rokok elektronik menyerupai perkakas alat tulis dengan menggunakan label mengelirukan.

Naib Pengerusi Kanan Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF), Datuk Seri Ayub Yaakob, berkata tindakan peniaga dalam talian yang memasarkan barangan, termasuk pelekak menyerupai perkakas alat tulis seperti *highlighter*, gam dan pena penanda adalah tidak bertanggungjawab serta melanggar undang-undang.

"Taktik licik terbaharu dilakukannya peniaga itu yang menyasarkan pelajar bukan saja menarik minat remaja dan kanak-kanak untuk membelinya, bahkan mengelirukan beberapa pihak termasuk guru, ibu bapa dan penjaga.

"MCPF berpandangan tindakan penjual terbabit jelas melanggar undang-undang antaranya Akta Hak Cipta 1987, Akta Paten (Pindaan) 2022 serta Garis Panduan Mengelakkan Iklan

Palsu dan Mengelirukan," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Beliau berkata, MCPF melihat taktik penjualan vape dan rokok elektronik seperti itu boleh mempengaruhi pelajar untuk membawanya ke sekolah tanpa gusar, sekali gus meningkatkan tabiat tidak sihat dan memudaratkan dalam kalangan remaja dan kanak-kanak.

"Malah, penjualan peranti ini secara terbuka dalam talian dan kedai barangan gajet memudahkan pelajar membelinya, sekali gus menyukarkan pemantauan daripada pihak berwajib.

"Ita juga akan merencatkan usaha kerajaan mengurangkan kebergantungan remaja atau pelajar kepada rokok, termasuk vape meskipun Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 (Akta 852) mula dikuatkuasa pada 1 Oktober lalu," katanya.

Selain itu, katanya, MCPF mencadangkan Kementerian Kesihatan merangka peraturan khusus mengekang penjualan peranti vape dan rokok elektronik yang mampu menarik minat remaja dan kanak-kanak.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : LOKAL

Undang masalah saluran pernafasan, alahan

Kuala Lumpur: Najis burung termasuk burung merpati mempunyai beberapa organisma seperti bakteria, fungi (kulat) dan virus yang berisiko menyebabkan masalah kesihatan kepada manusia.

Pakar Perubatan Kesihatan Awam, Datuk Dr Zainal Ariffin Omar berkata, antara penyakit yang biasa didapati daripada pencemaran najis burung adalah masalah saluran pernafasan dan alahan antaranya seperti *histoplasmosis*, *cryptococcosis* and *psittacosis*.

"Najis burung berisiko menyebabkan penyakit kepada manusia melalui hubungan langsung (mendekati tempat ba-

nyak najis atau membela burung) atau sebaran melalui udara pernafasan.

"Ia menyebabkan penyakit pernafasan dengan gejala seperti batuk, demam, selesema dan susah bernafas. Selain itu, gejala lain seperti sakit mata atau tanda alergik," katanya.

Dr Zainal Ariffin berkata, justeru orang ramai boleh mengelak daripada terdedah kepada najis burung merpati selain menjauhi daripada kawasan yang mempunyai banyak burung.


"Selain itu, mereka yang mahu membersihkan kawasan

(najis) burung perlu menggunakan pelitup muka dan hidung serta pelindung mata ketika melakukan kerja pembersihan.

"Amalan kebersihan juga perlu seperti membasuh muka dan mandi menggunakan sabun selepas berada di kawasan banyak najis burung atau membersihkan kawasan berkenaan," katanya.

Katanya, tidak dinafikan ramai orang awam yang kurang mengetahui mengenai risiko najis burung dan mereka perlu, sentiasa peka mengenainya.

Jangkitan penyakit bawa gejala batuk, demam, selesema, susah bernafas



PENGENDALIAN yang tepat dapat mencegah masalah penyakit terhadap manusia.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 12
RUANGAN : LOKAL

VAPE SERUPA ALAT TULIS

Sasar pelanggan remaja bawah umur

Kuala Lumpur: Tindakan peniaga dan penjual dalam talian menjual rokok elektronik atau *vape* termasuk menyerupai alat tulis seperti gam dan pena penanda disifatkan tidak bertanggungjawab.

Naib Pengerusi Kanan Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF) Datuk Seri Ayub Yaakob berkata, peniaga peranti itu dikesan menggunakan taktik itu bagi menyasarkan pelajar yang juga remaja bawah umur untuk membelinya.

Menurutnya, pada masa sama tindakan berkenaan dilihat mengelirukan beberapa pihak lain termasuk guru, ibu bapa dan penjaga sekali gus melanggar undang-undang.

Katanya, tindakan penjual terbabit jelas sekali melanggar undang-undang seperti Akta Hak Cipta 1987, Akta Paten (Pin-

daan) 2022 serta Garis Panduan Mengelakkan Iklan Palsu dan Mengelirukan.

"Tindakan penjualan *vape* atau rokok elektronik sebegini bukan sahaja boleh mempengaruhi pelajar untuk membawanya ke sekolah, malah akan meningkatkan tabiat tidak sihat dan memudaratkan dalam kalangan mereka.

"Penjualan secara terbuka di dalam talian dan kedai gajet membuka peluang kepada pelajar membelinya sekali gus menyukarkan pemantauan pihak berkuasa.

"Masalah ini jelas akan merencatkan usaha kerajaan untuk mengurangkan kebergantungan remaja atau pelajar kepada rokok atau *vape* walaupun Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 (Akta 852) sudah dikuatkuasakan awal Oktober lalu," katanya.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 15
RUANGAN : NEGARA

Negara! 15

Pusat Rehabilitasi Perkeso Wilayah Timur dijangka siap 2027

'Rawat sehingga 500 pesakit'

Oleh MOHD. AZLI ADLAN

SETIU – Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) bakal mempunyai pusat rehabilitasi ketiga khusus untuk wilayah timur yang bakal dibina di Lembah Bidong, di sini.

Menteri Sumber Manusia, Steven Sim Chee Keong, Pusat Rehabilitasi Perkeso Wilayah Timur itu yang mampu merawat sehingga 500 pesakit pada satu-satu masa tersebut akan dibina di tanah kurniaan Sultan Terengganu, Sultan Mizan Zainal Abidin.

"Pusat rehabilitasi ini merupakan ketiga dimiliki Perkeso selepas Melaka dan Perak.

"Ia selaras dengan keperluan semasa yang menunjukkan sekurang-kurangnya 15 kes pemulihan pekerja dikendalikan pusat rehabilitasi Perkeso ketika ini diterima dari zon Pantai Timur," katanya selepas merasmikan majlis pecah tanah pusat rehabilitasi tersebut di Lembah Bidong, di sini semalam.

Jelasnya, pembinaan pusat rehabilitasi yang akan menelan belanja RMS71.8 juta itu bakal dilengkapi kemudahan 315 katil.

Katanya, pusat berkenaan bakal menawarkan rawatan terapi inovatif *thalassotherapy* menggunakan elemen air laut yang pertama di negara ini.

"Rawatan *hippotherapy* yang menggunakan kuda sebagai in-



STEVEN SIM (atas jentera) menyempurnakan Majlis Pecah Tanah Penubuhan Rehabilitasi Perkeso Wilayah Timur di Merang, Setiu semalam. – PUQTRA HAIRRY

strumen pemulihan fizikal, mental dan kognitif pesakit juga akan ditawarkan.

"Selain itu, pusat rehabilitasi ini menyediakan teknik perubatan neuro-robotik dan *cyber-nics* bagi pemulihan golongan pekerja yang menghidap penyakit kronik serta kecederaan dan kecacatan akibat kemalangan terbabit," katanya.

Katanya, rawatan pemulihan

pekerja yang mencarum Perkeso tersebut akan mendapat kerjasama pakar dari Hospital Sultanah Nur Zahirah, Kuala Terengganu dan Hospital Sultan Zainal Abidin, Kuala Nerus.

Katanya, projek Pusat Rehabilitasi Perkeso Wilayah Timur yang baru diumumkan kerajaan pada pembentangan Belanjawan 2025 Jumaat lalu dijangka siap sepenuhnya pada 2027.

"Pusat rehabilitasi tersebut juga akan menawarkan latihan pemulihan vokasional seperti pembuatan tembaga, pembinaan bot dan kapal tradisional, batik dan ukiran kayu.

"Ia bertujuan memastikan kesinambungan warisan Terengganu selain meningkatkan tahap kebolehpasaran pencarum terlibat setelah selesai program pemulihan," tambahnya.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 27
RUANGAN : NEGERI

Ruang menunggu sesak, kemudahan usang dan rosak selain ruang parkir terhad

Oleh NOR AZURA MD AMIN
ISKANDAR PUTERI

Menteri Besar, Datuk Onn Hafiz Ghazi menzahirkan rasa sedih dan kecewa apabila melihat keadaan Klinik Kesihatan Gelang Patah di sini yang daif.

Beliau yang melawat klinik kesihatan berkenaan pada Ahad berkongsi dalam Facebook mengenai keadaan tempat menunggu yang sesak dan sempit selain kemudahan seperti kipas, kerusi dan pendingin hawa yang usang dan rosak

Onn Hafiz berkata, keadaan diperburukkan lagi dengan parkir kenderaan yang terhad dan tidak tersusun selain kekurangan aset seperti mesin ultrabunyi dan komputer.

"Saya berasa amat sedih dan kecewa melihat keadaan yang sangat daif di Klinik Kesihatan Gelang Patah ini.

"Beberapa perkara telah diutarakan pihak pengurusan klinik dan orang awam

ketika saya berada di klinik ini," katanya. Sehubungan itu katanya, kerajaan negeri akan membantu sedaya mungkin bagi menyelesaikan isu berkenaan selain melaksanakan penyelesaian jangka pendek bagi mengurangkan kesesakan sedia ada.

"Saya sedar dan insaf masih banyak yang perlu dilakukan dalam meningkatkan kualiti fasiliti kesihatan di Johor.

"Namun, saya percaya dengan kerjasama, usaha dan sokongan semua pihak, segala apa yang direncanakan mampu direalisasikan," katanya.

Tambahnya, terdapat cadangan pembinaan sebuah klinik kesihatan baharu di kawasan Iskandar Puteri.

"Purata harian pelawat Klinik Kesihatan Gelang Patah berjumlah lebih 800 orang pesakit dan ia tidak mampu menampung populasi hampir 100,000 penduduk di kawasan Iskandar Puteri.

"Keadaan yang padat dan sesak ini menjadi cabaran utama di sini," katanya.

LUASKAN
KUASA MU

TELLUS & TULLUS
Sinar
Harian

TELLUS & TULLUS • MATA DAN TELINGA RAKYAT • PEMACU PERUBAHAN

NEGERI 27

SELASA 22 OKTOBER 2024 • SINAR HARIAN

MB Johor sedih Klinik Kesihatan Gelang Patah daif

FOTO: FACEBOOK ONN HAFIZ GHAZI



Onn Hafiz (dua dari kanan) ketika meninjau ruang menunggu Klinik Kesihatan Gelang Patah di Iskandar Puteri pada Ahad.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 1
RUANGAN : MUKA HADAPAN



Senaraikan produk kena cukai gula

Oleh **FITRI NIZAM**
utusannews@mediamulla.com.my

PETALING JAYA: Senarai produk yang dikenakan kenaikan duti eksais 40 sen seliter perlu dikeluarkan segera kerana masih ramai yang tidak jelas mengenai dan untuk mengelakkan golongan peniaga menaikkan harga jualan.

Ketika ini, banyak pihak keliru terutama golongan peniaga

Ramai keliru, elak peniaga ambil kesempatan naikkan harga

dengan kenaikan duti eksais tersebut seperti diumumkan Menteri Kewangan, Datuk Seri

Anwar Ibrahim dalam Belanjawan 2025 yang dikhuatiri akhirnya menyebabkan peningkatan harga barang di pasaran.

Timbalan Setiausaha Agung Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (Fomca), Nur Asyikin Aminuddin berkata, pihaknya sendiri tidak jelas dengan pengumuman kenaikan duti eksais tersebut.

Kata beliau, berdasarkan kefahaman pihaknya, ia mem-

babitkan produk gula susulan pengumuman Perdana Menteri berkaitan perang terhadap gula.

"Kerajaan perlu jelaskan sebaik mungkin kepada rakyat berhubung pengumuman tersebut kerana kita tidak mahu peniaga menaikkan harga jualan sedangkan mereka tidak terkesan pun dengan duti eksais berkenaan.

Bersambung di muka 3

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : DALAM NEGERI

Senaraikan produk kena cukai gula

Dari muka 1

“Pada masa sama, peniaga juga perlu ambil tahu berhubung perkara ini supaya tidak sewenang-wenangnya menaikkan harga jualan,” katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Kerajaan dalam pembetangan Belanjawan 2025 pada Jumaat lalu mengumumkan perang terhadap gula dengan menaikkan kadar duti eksais bagi minuman bergula secara berfasa mulai 1 Januari tahun depan.

Anwar yang juga Perdana Menteri berkata, kadar yang

dikenakan adalah 40 sen seliter sebagai usaha selepas penduduk Malaysia menjadi antara paling obes di rantau Asia Tenggara dan gula adalah salah satu musuh utama penyakit tidak berjangkit.

Kadar duti eksais 40 sen seliter dikenakan ke atas minuman bergula mengikut nilai ambang kandungan gula bermula 1 Julai 2019, namun dinaikkan kepada 50 sen seliter mulai 1 Januari 2023 memabitkan jenis minuman tertentu.

Antara kenaikan duti eksais tersebut melibatkan jenis

minuman seperti air minuman termasuk karbonat yang mengandungi gula tambahan, minuman berperisa susu yang mengandungi laktosa dan jus buah serta sayur sama ada mengandungi gula tambahan atau tidak.

Bagaimanapun, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Fuziah Salleh berkata, kenaikan duti eksais gula tersebut tidak memabitkan gula pasir yang digunakan keseluruhan rakyat dan peniaga.

Nur Asyikin berkata, kerajaan perlu mengadakan libat

urus dengan golongan peniaga sebelum 1 Januari 2025 supaya golongan tersebut faham bahawa mereka tidak terkesan dengan kenaikan cukai berkenaan.

“Adalah lebih baik kerajaan keluarkan senarai jenis produk yang terabait dalam kenaikan duti eksais berkenaan.

“Ia bukan sahaja memudahkan peniaga malah pengguna juga boleh membantu melaporkan sebarang tindakan tidak bertanggungjawab jika berlaku kenaikan harga barang berdasarkan senarai dikongsikan kerajaan,” katanya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 29
RUANGAN : DALAM NEGERI

Klinik Kesihatan Gelang Patah gagal tampung 100,000 penduduk

ISKANDAR PUTERI: Klinik Kesihatan (KK) Gelang Patah, di sini yang usang kini tidak mampu lagi menampung keperluan penduduk yang semakin bertambah.

Sambil meluahkan kekecewaannya, Menteri Besar, Datuk Onn Hafiz Ghazi mengakui masih banyak yang perlu dilakukan untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan di negeri ini.

Menurutnya, infrastruktur sedia ada di klinik kesihatan tersebut tidak dapat menampung keperluan penduduk yang semakin meningkat di kawasan sekitar, apatah lagi Kota Iskandar kini menjadi pusat pentadbiran

negeri.

"Saya berasa amat sedih dan kecewa melihat keadaan yang sangat daif di Klinik Kesihatan Gelang Patah.

"Antara isu yang diutarakan termasuk ruang klinik yang sesak dan sempit; fasiliti seperti kerusi, kipas dan pendingin hawa yang telah usang dan rosak; parkir kenderaan terhad dan tidak tersusun selain kekurangan aset seperti mesin ultrasound dan komputer," katanya selepas melawat klinik tersebut, di sini.

Onn Hafiz memberitahu, purata pengunjung di klinik kesihatan itu lebih 800 orang sehari,

manakala infrastruktur sedia ada tidak mampu menampung populasi hampir 100,000 penduduk di kawasan Iskandar Puteri.

"Kerajaan negeri akan membantu sedaya mungkin bagi mengatasi isu tersebut termasuk melihat cadangan pembinaan sebuah klinik kesihatan baharu di kawasan Iskandar Puteri.

"Saya sedar dan insaf masih banyak perlu dilakukan bagi mempertingkatkan kualiti fasiliti kesihatan di negeri Johor. Dengan kerjasama, usaha dan sokongan semua pihak, apa yang direncanakan mampu direalisasikan," katanya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 33
RUANGAN : DALAM NEGERI

Rawatan terapi guna elemen air laut dibuka 2027

SETIU: Pusat Rehabilitasi Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) Wilayah Timur yang bakal dibina di Merang dekat sini akan menawarkan rawatan terapi inovatif *thalassotherapy* menggunakan elemen air laut yang pertama di negara ini.

Menteri Sumber Manusia, Steven Sim Chee Keong berkata, pusat rehabilitasi bernilai RM571.8 juta itu dibangunkan berhampiran kawasan pantai bagi memudahkan pesakit menjalani rawatan.

“Pusat rehabilitasi yang mempunyai 315 katil dan mampu menampung 400 hingga 500 pesakit setiap hari itu melibatkan kawasan seluas 28 hektar dan dijangka siap pada 2027,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Majlis Pecah Tanah Pusat


Rehabilitasi Perkeso Wilayah Timur, semalam.

Selain itu, Steven Sim berkata, pesakit juga ditawarkan rawatan *hippotherapy* secara menunggang kuda sebagai instrumen pemulihan fizikal, mental dan kognitif.

Tambahnya, pusat tersebut turut menyediakan teknik perubatan neurobotik dan siberetik bagi pemulihan penyakit kronik serta kecederaan dan kecacatan akibat kemalangan.

“Rawatan pemulihan pekerja yang mencarum Perkeso ini mendapat kerjasama pakar dari Hospital Sultanah Nur Zahirah, Kuala Terengganu dan Hospital Sultan Zainal Abidin, Kuala Nerus,” katanya.

Beliau memberitahu, penubuhan pusat rehabilitasi tersebut adalah yang ketiga selepas Melaka dan Perak.



PUSAT Rehabilitasi Perkeso Wilayah Timur di Merang, Terengganu dijangka beroperasi pada 2027.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 1

RUANGAN : MUKA HADAPAN



AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : NATION / NEWS

TUESDAY, OCTOBER 22, 2024 . NewStraitsTimes

Nation / NEWS

3

DILAPIDATED CONDITION

JOHOR GOVT TO RESOLVE HEALTH CLINIC WOES

Gelang Patah facility overcrowded and lacks vital equipment, says Onn Hafiz

JOHOR BARU

THE Johor government is implementing short-term solutions to ease overcrowding at the Gelang Patah health clinic as it seeks a solution to the woes of the government facility.

In a Facebook post on Sunday, Menteri Besar Datuk Onn Hafiz Ghazi expressed disappointment with the clinic's condition.

"I feel very sad and disappointed to see the extremely dilapidated condition of the Gelang Patah clinic," he said.

Onn Hafiz said among the clinic's problems were overcrowding and ageing facilities, such as broken chairs, and malfunctioning fans and air-conditioning units in the waiting area.

He also said there was a lack of parking and essential equipment, like ultrasound machines and computers.

The clinic sees an average of over 800 patients a day and struggles to accommodate the nearly 100,000 residents in the Iskandar Puteri area.

"The overcrowding is a significant challenge here," he noted.

Onn Hafiz said there had been calls for a new clinic to be built in Iskandar Puteri.

"The state government will do everything possible to resolve this issue," he said.

Onn Hafiz said there was much to be done to improve healthcare facilities in Johor.

"However, I believe that with cooperation, effort and support from all parties, all plans can be realised."

Page 1 pic: Johor Menteri Besar Datuk Onn Hafiz Ghazi (standing right, in white shirt) inspecting the waiting area of Gelang Patah clinic on Sunday.



Johor Menteri Besar Datuk Onn Hafiz Ghazi being briefed on the operations of the Gelang Patah health clinic on Sunday. PIC FROM ONN HAFIZ'S FACEBOOK PAGE

'State's role to enhance health facilities'

KUALA LUMPUR: The Johor government should not rely on federal support to resolve the problem of dilapidated health infrastructure in the state, said a health policy think tank.

Galen Centre for Health and Social Policy chief executive officer Azrul Mohd Khalib said state governments had a crucial role in enhancing health infrastructure, including providing facilities with essential equipment, like ultrasound and X-ray machines, and hospital beds.

"The state government can take many initiatives, independent of the federal government's constitutional mandate," he said.

Azrul was asked to comment on

Johor Menteri Besar Datuk Onn Hafiz Ghazi's pledge to resolve the Gelang Patah health clinic's lack of equipment and overcrowding.

"The menteri besar is right to be concerned. Family medicine specialists, who typically work in these clinics, would be better positioned to diagnose and treat patients promptly if the appropriate equipment is available," he said.

Azrul said the overcrowding reflected two key issues: the community's dependence on the clinic and the pressing need for medical care.

Providing the right equipment, he added, could facilitate earlier treatment of illnesses and save lives.

Johor Health and Environment Committee chairman Ling Tian Soon said the Health Ministry had allocated funds to upgrade dilapidated health clinics.

"We are in the process of preparing a proposal detailing the budget for refurbishments, which we plan to submit to the menteri besar by Wednesday," he said.

The proposal includes new ultrasound machines and computers.

"Last year, we allocated funds to build a new clinic, as well as to improve road and parking facilities. This proposal is part of our short-term plan to improve the clinic for the public," he added.

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 15
RUANGAN : VIEWS

Private-public cooperation on healthcare

THE Budget 2025 proposal to increase the number of private hospitals to 91 to outsource patients from public hospitals for a variety of treatment methods is welcomed by the Association of Private Hospitals Malaysia (APHM).

We trust that the amount is appropriate and sufficient to allow private hospitals to fully treat these patients, even in circumstances that are challenging.

If at all possible, technology should be used to facilitate referrals between public and private institutions, saving patients from having to wait longer.

In public hospitals, the suggestion that patients who can afford to pay more should do so is a positive approach. APHM would be pleased to help with public hospitals' private concept structure. One way is by initiating collaborative ventures and clinics where patients with sufficient financial resources can be considered for treatment together with nearby private hospitals. This will enable the B40 (low income) group and some in the M40 (middle income) group to receive public healthcare funding at a faster rate while those who can afford it receive treatment in a private initiative with a joint venture concept with private hospitals. This will relieve the burden on public infrastructure and human capital.

DATUK DR KULJIT SINGH
President
Association of Private Hospitals
Malaysia

AKHBAR : THE SUN
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NATIONAL

Women urged to undergo breast screening to detect cancer early

KUALA LUMPUR: Women are being urged to become more aware of the importance of breast health by undergoing regular screenings for the early detection of cancer through mammograms.

Women, Family and Community Development Minister Datuk Seri Nancy Shukri said the move would enable earlier and more effective treatment, thereby increasing survival rates.

"Statistics from the Malaysian National Cancer Registry Report (2017 to 2021) reveal that 50.5% of women diagnosed with breast cancer were detected at stages three and four, an increase compared with 48% in 2012-2016," she said on Sunday.

Earlier, Nancy launched a breast cancer awareness event, Body Perfect's "The Power of Pink 2024".

Acknowledging the low level of awareness among women regarding breast health, she added that the ministry, through the National Population and Family Development Board (NPFDB), continues to intensify awareness campaigns and promote early detection of breast cancer.

The low level of awareness was evidenced by findings of the 2023 National Health and Morbidity Survey, which showed that 71%, or three out of four women aged 40 and above, have never undergone a mammogram, while 46% of women aged 18 and above do not perform self-breast examinations.

On pap smear tests, the survey revealed that 65% of women aged 20 and above have not undergone the test.

Additionally, the government has provided free mammograms for eligible women, with registration for the initiative available at 50 NPFDB *Nur Sejahtera* clinics nationwide. - Bernama

Awareness on harmful effects of smoking low in Kelantan

KOTA BHARU: Awareness among Kelantanese regarding the harmful effects of smoking and unethical promotional and marketing activities remains low, despite the Control of Smoking Products for Public Health Act 2024 (Act 852) coming into force on Oct 1.

Kelantan Health Director Datuk Dr Zaini

Husin said according to his team's observations and enforcement efforts, there are individuals still smoking in prohibited areas, including food premises and restaurants.

"There are people still smoking in eatery premises. Enforcement officers cannot be everywhere to ensure compliance at all times, so

it depends on the awareness and sense of responsibility of individuals," he said while officiating at the Act 852 Mega Enforcement Operation on Sunday.

"We have also issued a total of 1,443 advocacy notices and 12 Section 47 notices under Act 852." - Bernama

AKHBAR : THE SUN
MUKA SURAT : 12
RUANGAN : HEALTH

12 TUESDAY | OCT 22, 2024
HEALTH

Rundown hospital toilets, wards will be repaired quickly

► Health Ministry gets second-highest Budget 2025 allocation of RM45.3 billion

THE repair of rundown hospital toilets and outdated patient wards will be given immediate attention under the allocation in Budget 2025, said Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad.

He said the repairs of these facilities will be carried out as soon as possible, in line with Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim's directive for immediate action.

"As per the Prime Minister's instructions, our hospitals will not only improve in terms of services but also in the appearance and condition of toilets and wards, with funding provided for us to act quickly - no delays, we will take immediate action on these issues.

"Additionally, the upgrading of old clinics has been allocated RM300 million compared with RM150 million previously, allowing us to upgrade clinics, including those in rural areas," he told a press conference after launching the Madani Afiat programme and Pahang's Agenda Nasional Malaysia Sihat Roadshow 2024 at Pekan last Saturday.

In Budget 2025, the Health Ministry has been allocated the second-largest budget, receiving RM45.3 billion next year compared with RM41.2 billion this year, to carry out essential tasks, including ensuring quality, comfortable and people-friendly public healthcare services.

Anwar, when tabling Budget 2025



Next year, a total of RM1.35 billion will be allocated to maintain health infrastructure, including repairing dilapidated hospital toilets and dilapidated patient wards. - BERNAMAPIC

in the Parliament, also announced a RM1.35 billion allocation for the maintenance of healthcare infrastructure, including repairing rundown hospital toilets and outdated wards.

Meanwhile, Dzulkefly said with the allocation received by his ministry, waiting times in hospitals can be reduced as existing hospital health services will be expanded to health clinics and private facilities.

He added that 580,000 patients would benefit from the purchase of SGLT-2 inhibitors for diabetes treatment.

"Though it is slightly more expensive, it is beneficial for treating diabetes as it can prevent complications such as amputation and kidney failure," he said.

The government planned to raise the rate of excise duties on sugary

drinks by 40 sen a litre in stages from Jan 1, 2025.

"The additional funds collected will be used to cover public health expenses, including increasing the supply of SGLT-2 inhibitors for treating diabetes. (The additional funds will also be used to) provide peritoneal dialysis treatment for end-stage kidney disease to more patients," Anwar said.

He also announced an allocation of RM27 million in support of *Agenda Nasional Malaysia Sihat*, to further invigorate public sports and recreational activities, including organising the National Sports Day.

To ensure a more resilient, sustainable and self-sufficient public health service system, Anwar said the Health Ministry's *Rakan* initiative would be introduced, involving the collaboration of

government-linked investment companies to provide paid health service options at affordable rates to patients.

"The government also increased cooperation with 91 private hospitals to outsource the Health Ministry's patients for services such as cardiology, radiology and nephrology.

"Outsourcing will be continued with the National Heart Institute for government pensioners aged 65 and above," he said.

Anwar also announced an allocation of RM100 million, including for the procurement of the latest equipment to strengthen the health centre of excellence that has been identified, in addition to ongoing preliminary work to establish a cancer centre in Kuching and a heart specialist hospital in Kota Kinabalu. - Bernama